

- ☐ Utusan Malaysia
☒ Mingguan Malaysia

Tarikh: 10/6/2012
Hari: AHAD M/S: 11
Ruangan: DALAM NEGARA

MITI timbang cadangan bina JTC

KUBANG PASU 9 Jun - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang meneliti cadangan untuk membina Pusat Perdagangan Jerlun (JTC) di sini, bagi membantu aktiviti import dan eksport barangan antara Malaysia dengan Thailand.

Timbalan Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, kementerian semanganya mahu mewujudkan sebuah pusat perdagangan di kawasan utara bagi pemasaran produk tempatan dan Thailand supaya ia dapat dijalankan dengan lebih baik.

"Apabila semuanya telah diteliti, saya akan membantu membuat satu cadangan yang menyeluruh, yang mengambil kira semua aspek supaya apa yang kita nak buat akan berjaya," katanya selepas merasmikan Wacana Ekonomi Jerlun 2012 di Hotel EDC Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Tambah Mukhriz, cadangan penubuhan JTC amat baik kerana ia boleh membantu mengumpul hasil usaha para pengusaha di Jerlun untuk dipamerkan kepada pengunjung, memenuhi permintaan pasaran luar termasuk Perlis, Pulau Pinang dan Perak, malah mungkin juga Thailand dan Indonesia.